



DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

Permohonan adalah dipelawa daripada **Warganegara Malaysia** yang berkelayakan bagi memohon jawatan berikut:

- 1) **PENOLONG JURUTERA (AWAM) GRED JA29 (KONTRAK/TETAP)**
 - 2) **AHLI MUZIK GRED B29 (KONTRAK)**
 - 3) **ARTIS BUDAYA GRED B19 (KONTRAK)**
 - 4) **PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN) GRED W19 (KONTRAK/TETAP)**
 - 5) **PEMBANTU AWAM (PENYELENGGARA RUMAH REHAT DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR) GRED H11 (KONTRAK/TETAP) DI LEGOLAND, JOHOR**
-

A

1. **JAWATAN** : **PENOLONG JURUTERA (AWAM)**
- KEKOSONGAN JAWATAN** : **01**
- KLASIFIKASI PERKHIDMATAN** : **KEJURUTERAAN**
- KUMPULAN PERKHIDMATAN** : **PELAKSANA
(SKIM PERKHIDMATAN BERSEPADU)**
- TARAF JAWATAN** : **KONTRAK/TETAP**
- GRED JAWATAN/GAJI** : **GRED JA29
RM1,549.00 – RM5,701.00**

SYARAT LANTIKAN

(1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) (i) Sijil dalam bidang kejuruteraan awam yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; **atau**
- (ii) Diploma dalam bidang kejuruteraan awam yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) / Sijil Vokasional Malaysia (SVM) atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Kemahiran, Pemeriksa Kereta Motor Gred AB19, AB22 dan AB26, Penjaga Jentera Elektrik dan Merinyu Tali Air adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Jurutera (Awam) Gred JA29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan; **dan**

- (a) (i) Mempunyai kelayakan di perenggan 1 (a) di atas; **atau**
 - (ii) Lulus Peperiksaan Khas; **dan**
- (b) Had umur pelantikan
 - (i) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; **atau**
 - (ii) Berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; **atau**
 - (iii) Berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

2. JAWATAN : AHLI MUZIK
- VIOLA
- VIOLIN
- ALTO SAXOPHONE
- TROMBONE
- DRUM
- PIANO / KEYBOARD / GITAR
- BASSOON

KEKOSONGAN JAWATAN : 11

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : BAKAT DAN SENI

**KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA
(SKIM PERKHIDMATAN BERSEPADU)**

TARAF JAWATAN : KONTRAK

**GRED JAWATAN/GAJI : GRED B29
RM1,499.00 – RM5,679.00**

SYARAT LANTIKAN

- (1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) Mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti serta berkebolehan memainkan satu dan/atau lebih alat muzik moden atau tradisional serta berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan; **atau**
 - (b) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; **atau**
 - (c) Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; **atau**
 - (d) Sijil Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; **atau**
 - (e) Diploma dalam bidang seni muzik yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan dengan kelayakan 1(b), 1(c), 1(d) atau 1(e) hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT UJIAN KHAS

Calon dikehendaki **Lulus Ujian Khas** bagi menentukan kesesuaian mutu, tahap bakat, kebolehan dan daya kreativiti serta berkebolehan memainkan satu dan/atau lebih alat muzik sebelum lantikan seperti yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik.

SYARAT TAMBAHAN

Calon hendaklah berkebolehan dan mahir membaca nota muzik.

NOTA

Calon dikehendaki untuk membawa alat muzik masing-masing semasa menghadiri Ujian Khas kecuali bagi alat-alat muzik seperti Drum, Piano dan Keyboard.

- 3. JAWATAN : ARTIS BUDAYA (PENARI)
LELAKI DAN WANITA**
- KEKOSONGAN JAWATAN : 29**
- KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : BAKAT DAN SENI**
- KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA
(SKIM PERKHIDMATAN BERSEPADU)**
- TARAF JAWATAN : KONTRAK**
- GRED JAWATAN/GAJI : GRED B19
RM1,360.00 – RM4,032.00**

SYARAT LANTIKAN

(1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) Mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang kebudayaan serta berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan; **atau**
- (b) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; **atau**
- (c) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; **atau**
- (d) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon-calun yang memiliki kelayakan di perenggan 1(b), 1(c) atau 1(d) bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT UJIAN KHAS

Calon dikehendaki **Lulus Ujian Khas** bagi menentukan kesesuaian mutu, tahap bakat, kebolehan dan daya kreativiti dalam bidang kebudayaan sebelum lantikan seperti yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik.

SYARAT TAMBAHAN

Calon hendaklah yang berkebolehan menari dalam tarian kontemporari dan tradisional.

SYARAT UKURAN FIZIKAL

Lelaki

Tinggi Minimum - 165 cm
Body Mass Indeks (BMI) - Antara julat 20 hingga 24

Wanita

Tinggi Minimum - 155 cm
Body Mass Indeks (BMI) - Antara julat 18 hingga 23

4. **JAWATAN** : **PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN)**

KEKOSONGAN JAWATAN : **02**

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : **KEWANGAN**

KUMPULAN PERKHIDMATAN : **PELAKSANA**

TARAF JAWATAN : **KONTRAK/TETAP**

GRED JAWATAN/GAJI : **GRED W19**
RM1,353.00 – RM4,005.00

SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Kepujian dalam subjek Matematik, Perdagangan atau Prinsip Perakaunan pada peringkat peperiksaan tersebut; **atau**
- (b) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Pertengahan (Simpan Kira-kira) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; **atau**
- (c) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; **atau**
- (d) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Tertinggi (Perakaunan) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; **atau**

- (e) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT TAMBAHAN

Calon hendaklah berkebolehan dan mahir dalam menggunakan *software Microsoft Word/Excel/Power Point* dengan baik.

- 5. JAWATAN : PEMBANTU AWAM
(PENYELENGGARA RUMAH REHAT
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR)
LELAKI SAHAJA**
- KEUTAMAAN KEPADA CALON LELAKI YANG
TINGGAL DI DAERAH NUSAJAYA**
- KEKOSONGAN JAWATAN : 01**
- KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : KEMAHIRAN**
- KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA**
- TARAF JAWATAN : KONTRAK/TETAP**
- GRED JAWATAN/GAJI : GRED H11
RM1,218.00 – RM2,939.00**
- TEMPAT BERTUGAS : PANGSAPURI MERIDIAN MEDINI
JALAN LEGOLAND, BANDAR MEDINI ISKANDAR
79000 ISKANDAR PUTERI, JOHOR DARUL TAKZIM**

SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) dengan memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu dan Lulus (sekurang-kurangnya Gred E) dalam 4 subjek yang lain termasuk Matematik atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; **atau**
- (b) Penilaian Menengah Rendah (PMR) dengan memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu dan Lulus (sekurang-kurangnya Gred D) dalam 4 subjek yang lain termasuk Matematik atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
- (c) Memiliki lesen memandu Kelas B2, D
Lesen memandu / Lesen Tempoh Percubaan (P) yang masih sah dan dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan memiliki kenderaan sendiri.

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) / Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT TAMBAHAN

Calon hendaklah berpengalaman dalam bidang *housekeeping*/penyelenggaraan.

B. UMUR

Calon-calon hendaklah berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan.

C. CARA MEMOHON

- (i) Kelayakan dan syarat permohonan jawatan kosong ini boleh didapati dengan melayari laman web rasmi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur iaitu www.dbkl.gov.my dan permohonan hendaklah dikemukakan secara **ATAS TALIAN (ONLINE) SAHAJA** dengan menggunakan **Sistem Recruiting DBKL**.
- (ii) Calon yang mempunyai Diploma dan Sijil hendaklah menyemak pengiktirafan di laman web <https://app.mohe.gov.my/iktiraf/semakan.php> atau <http://www2.mqa.gov.my/mqr/>
- (iii) Calon **TIDAK PERLU MENGHANTAR** salinan Diploma, STPM, STAM, Sijil Matrikulasi, SPM, SVM, PT3, PMR, sijil-sijil dan lesen memandu atau *resume* bagi jawatan berkaitan sehingga dihubungi untuk temu duga.

CATATAN

- (i) Borang Permohonan secara atas talian (*online*) yang **tidak lengkap akan ditolak**.
- (ii) Hanya calon-calon yang layak selepas disenarai pendek sahaja akan dipanggil ke peringkat seterusnya.
- (iii) **Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas ENAM (6) bulan daripada tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.**

TARIKH BUKA IKLAN : 13 NOVEMBER 2021 (SABTU)

TARIKH TUTUP IKLAN : 27 NOVEMBER 2021 (SABTU)

Iklan kekosongan jawatan ini juga dipaparkan di Portal Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (www.dbkl.gov.my)